

1. Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A**, **B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Salakan anjing yang sayup-sayup kedengaran itu menyeramkan sesiapa sahaja yang mendengarnya.

A **B** **C**
Tiada kesalahan
D

- ☐ **A**
☐ **B**
☐ **C**
☐ **D**

2. Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A**, **B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Faizal mempunyai ijazah dalam bidang teknologi maklumat tetapi dia bertekad untuk melibatkan diri di bidang pertanian. Tiada kesalahan

A **B**
C **D**

- ☐ **A**
☐ **B**
☐ **C**
☐ **D**

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Mereka dihantar ke luar negara untuk memperluaskan pengetahuan dan menambahkan pengalaman dalam bidang perubatan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	luar negara	negara luar
B	memperluaskan	meluaskan
C	dan	atau
D	dalam	di dalam

- ☐ **A**
☐ **B**
☐ **C**
☐ **D**

4. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

Kami akan melawat ke Putrajaya pada bulan hadapan jika kertas kerja kami diluluskan oleh tuan pengetua.

- ☐ A lulusan tuan pengetua
☐ B tuan pengetua luluskan
☐ C tuan pengetua meluluskan
☐ D diluluskan oleh tuan pengetua

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Rumah besar di hujung kampung itu telah mereka siapkan dalam masa empat bulan sahaja.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di hujung	ke hujung
B	telah	akan
C	mereka siapkan	disiapkan oleh mereka
D	dalam	di dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Pak Mail berbangga kerana kesemua lima orang anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Tiada kesalahan

A B C
D

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

Penjenayah itu dapat dikesan oleh pihak polis berdasarkan kepada maklumat penduduk setempat.

- ☐ A berdasarkan maklumat
☐ B berdasar maklumat pada
☐ C berdasarkan dari maklumat
☐ D berdasarkan kepada maklumat

8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Di dalam keadaan begini, kita perlu bertenang dan tidak menyalahkan orang lain semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di dalam	dalam
B	dan	atau
C	tidak	bukan
D	kepentingan	mementingkan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Mereka sudah kenal-mengenal antara satu dengan yang lain sejak musim kanak-kanak lagi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sudah	akan
B	antara	di antara
C	sejak	sejak dari
D	musim	zaman

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Mat Kilau dan para pengikutnya bergadai nyawa demi mempertahankan daerah mereka daripada
A B
dijajah oleh pihak Inggeris. Tiada kesalahan
C D

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Shahida mendapat berita yang Cikgu Asni akan bertukar ke sekolah lain pada bulan hadapan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	mendapat	mendapati
B	yang	bahawa
C	bertukar	menukar
D	ke sekolah	di sekolah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Sejak mengamalkan gaya hidup sihat, kakak Raina makin lama semakin cantik dan langsing.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sejak	hingga
B	makin	semakin
C	lama	lambat
D	dan	atau

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Perjalanan daripada Butterworth ke Taiping mengambil masa selama dua jam setengah.

	Kesalahan	Pembetulan
A	daripada	dari
B	ke	kepada
C	mengambil	mengambilkan
D	dua jam setengah	dua setengah jam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pengorbanan para perajurit negara tidak akan dilupakan kami selagi nyawa dikandung badan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	para perajurit	para-para perajurit
B	tidak	bukan
C	dilupakan kami	kami lupakan
D	selagi	sebelum

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

15. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

Sejak dari minggu lepas, nenek tiada selera makan kerana bimbang akan kesihatan datuk.

- ☐ A Sejak minggu lepas
☐ B Tentang minggu lepas
☐ C Daripada minggu lepas
☐ D Sejak dari minggu lepas

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Rakyat Malaysia wajar menyokong penerapan nilai murni yang kerajaan uar-uarkan agar dapat melahirkan modal insan yang berakhlak terpuji.

	Kesalahan	Pembetulan
A	penerapan	menerapkan
B	yang	bahawa
C	kerajaan uar-uarkan	diuar-uarkan oleh kerajaan
D	melahirkan	kelahiran

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Bantuan kewangan dihulur kepada semua mangsa kebakaran di Kampung Gelam.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dihulur	dihulurkan
B	kepada	pada
C	mangsa	mangsa-mangsa
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Abang membeli sebuah digital kamera model terbaharu di kedai elektrik itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	membeli	membelikan
B	sebuah	sebiji
C	digital kamera	kamera digital
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Semoga kehadiran saudara akan menyerikan lagi majlis ini.
- II Kos untuk percutian selama tiga hari dua malam itu berapakah?
- III Datuk mencurahkan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada cucu-cucunya.
- IV Pemandu lori itu disaman oleh polis trafik kerana tidak mempunyai lesen memandu kelas E.

- ☐ A I, II, dan III
- ☐ B I, II, dan IV
- ☐ C I, III, dan IV
- ☐ D II, III, dan IV

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Setelah tarik-menarik dengan peniaga itu, barulah dia membeli baju kemeja yang berwarna merah itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	setelah	telah
B	tarik-menarik	tawar-menawar
C	membeli	membelikan
D	yang	untuk

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D